

ICU bentang laporan gagal belanja peruntukan

BH - 9 JAN 2002

KUALA LUMPUR, Selasa - Unit Penyelaras dan Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri akan membentangkan laporan mengenai kegagalan membelanjakan peruntukan pembangunan tahun lalu, termasuk pakej rangsangan fiskal, kepada kabinet.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman, berkata beliau akan mengarahkan ICU menyiapkan laporan itu supaya kerajaan dapat mengenali pasti masalah terutamanya kerena birokrasi.

"Saya perlu lihat laporan ICU sebelum menyatakan apakah sebenarnya masalah yang dihadapi dalam membelanjakan peruntukan," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, berkata hanya 87 peratus peruntukan pembangunan tahun lalu dan 50 peratus pakej rangsangan fiskal, dibelanjakan. Antara sebab RM7.4 bilion tidak habis dibelanjakan ialah kerena birokrasi.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, sebahagian masalah itu dapat diselesaikan apabila kerajaan memperkenalkan cadangan perbelanjaan dua tahun sekali mulai tahun ini.

Bercakap kepada pemberita di Majlis Tinta Kencah di sini hari ini, Samsudin memberi jaminan yang kerajaan akan memperbaiki segala kelemahan dalam proses pelaksanaannya.

Mengenai cadangan perbelanjaan dua tahun sekali, Samsudin berkata, kerajaan akan melaksanakan sebaik mungkin supaya setiap peruntukan dapat dibelanjakan sebagai mana yang dirancang.

Ditanya mengapa timbul terlalu banyak masalah birokrasi, Samsudin berkata: "Perkara ini membabitkan banyak projek. Saya perlu menelitinya sebelum membuat kesimpulan."

Sementara itu, beberapa

pa kerajaan negeri yang menerima peruntukan tambahan bagi merangsang ekonomi tahun lalu dapat memanfaatkan peruntukan itu walaupun ada yang terpaksa melanjutkan tempoh siap projek.

Bagaimanapun, ada negeri yang mendakwa kegagalan menyiapkan projek tepat pada masanya, disebabkan kelewatan dalam menyalurkan peruntukan dari Kerajaan Pusat.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata kerajaan negeri diberi peruntukan yang besar tetapi masalah projek tidak siap adalah disebabkan peruntukan lambat disalurkan.

"Kita harap perancangan awal sepatutnya dibuat, ini kerana wang masuk pada bulan November dan kita hanya diberi tempoh dua bulan bagi menyiapkan projek terbabit," katanya.

Di KEDAH: Pengarah Pejabat Kemajuan Negeri yang bertanggungjawab dalam menyalurkan peruntukan daripada Kerajaan Pusat bagi membina pelbagai projek pembangunan, berkata kira-kira 80 peratus daripada peruntukan tahun lalu yang diterima pejabat itu, sudah dibelanjakan.

"Kami menjangka menjelang Mac ini, keseluruhan projek tahun lalu yang dibawa hingga ke tahun ini mampu diselesaikan."

"Kadang-kadang kontraktor menghadapi masalah untuk mendapatkan bekalan bahan binaan."

Di JOHOR: Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata semua projek rangsangan ekonomi yang dilaksanakan seluruh Johor berjalan seperti yang dirancang, kecuali tempoh siapnya tidak dapat dipenuhi pada 31 Disember 2001.

Beliau berkata, berdasarkan laporan, setakat ini secara keseluruhannya, projek itu sudah mencapai kira-kira 80 peratus siap.